

Banjir terburuk landa tiga kampung



Rohani membersihkan dapur rumahnya yang berlumpur.

GUA MUSANG – Kejadian banjir terburuk melanda tiga kampung di daerah ini, menyebabkan 100 penduduk mendiami 26 rumah di Kampung Batu Papan, Kundur dan Pulau, dekat sini, cemas apabila rumah mereka dinaiki banjir kilat, awal pagi semalam.

Banjir kilat berlaku mulai jam 4 pagi berikutan air Sungai Galas di kampung terbabit melimpahi tebing apabila hujan lebat yang turun tanpa henti dan surut semula tujuh jam kemudian.

Bagaimanapun, dalam kejadian banjir itu, hanya beberapa keluarga sahaja berpindah dengan menumpang di rumah jiran berikutan kediaman mereka ditenggelami air sedalam dua meter.

Sementara itu, kebanyakan penduduk lain pula mengambil keputusan tidak berpindah kerana keadaan masih lagi selamat sementara menunggu banjir surut jam 10 pagi.

Kejadian banjir yang dianggap terbesar itu juga turut menenggelamkan sebuah kereta milik penduduk Kampung Papan dan sebuah jambatan gantung runtuh dihanyutkan arus Sungai Galas yang deras.

Seorang penduduk, Manan Mat Saman, 51, berkata, dia menyedari kejadian itu se-

lepas mendapati air Sungai Galas di belakang rumahnya melimpahi tebing dan masuk ke dalam rumah jam 4 pagi ketika dia sedang tidur.

Berikutan itu katanya, dia segera mengejutkan isterinya, Siti Rupawan Taib, 43, bersama lima anak untuk segera berpindah bagi mengelak berlaku kejadian tidak diingini.

Dalam pada itu, Rohani Ibrahim, 47, pula berkata, barangan rumahnya rosak disebabkan banjir terutama di bahagian dapur berikutan kedudukannya yang rendah.

“Saya hanya sedar berlaku banjir jam 6 pagi ketika nak ke dapur untuk minum dan nampak air memenuhi kawasan dapur, sebelum kejutkan suami bersama anak supaya bersedia untuk pindah. Bagaimanapun, kami yang menunggu di dapur sehingga jam 10 pagi mendapati banjir mula surut dan segera bersihkan rumah kerana banyak lumpur,” katanya.

Seorang lagi penduduk Kampung Batu Papan, Mohd Humaizi Hassan, 34, berkata, dia terkejut apabila bangun tidur untuk menunaikan solat Subuh mendapati banjir mencecah lantai rumahnya sebelum menyedari keretanya telah ditenggelami.